



Health and Disability Services
Complaints Office

Membuat aduan di bawah Tatakelakuan untuk pekerja penjagaan kesihatan yang tertentu


hadsco.wa.gov.au


Tatakelakuan proses aduan

- 1 Hubungi HaDSCO.
Anda boleh menghubungi kami dengan menggunakan TIS National atau National Relay Service jika diperlukan.
- 2 Kami akan mempertimbangkan aduan anda dan memberitahu anda apa yang boleh kami lakukan.
- 3 Kami akan bercakap dengan anda dan pembekal perkhidmatan untuk menyelesaikan aduan anda.
- 4 Sekiranya aduan itu dikekalkan, pekerja penjagaan kesihatan mungkin akan diberikan perintah larangan yang menghalang mereka daripada menyediakan perkhidmatan kesihatan.


Hubungi kami


Pejabat kami dibuka 8.30 pagi hingga 4.30 petang, Hari Isnin hingga Jumaat.

 **Aduan dan pertanyaan**
(08) 6551 7600 or 1800 813 583
(percuma dari talian darat)

 **Pentadbiran**
(08) 6551 7620

 **Emel**
mail@hadsco.wa.gov.au

 **Web**
www.hadsco.wa.gov.au

 **Postal address**
PO Box B61, Perth WA 6838

Perkhidmatan Penterjemahan
tisnational.gov.au or 131 450

Perkhidmatan Aksesibiliti
relayservice.gov.au or 1800 555 660

Brosur ini tersedia dalam format alternatif atas permintaan.



Apakah itu Tatakelakuan untuk pekerja penjagaan kesihatan yang tertentu?

Tatakelakuan untuk pekerja penjagaan kesihatan tertentu (Kod Tatakelakuan) melindungi orang ramai dengan menetapkan piawaian amalan minimum untuk pekerja penjagaan kesihatan yang tertentu, dan mempromosikan perkhidmatan kesihatan yang selamat dan bereputasi.

Ia dikenakan kepada pekerja penjagaan kesihatan yang tidak berdaftar dengan Agensi Peraturan Pengamal Kesihatan Australia (Ahpra), dan pekerja penjagaan kesihatan yang menyediakan perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan pendaftaran mereka.

Bagaimana jika Tatakelakuan dilanggar?

Hubungi Pejabat Aduan Perkhidmatan Kesihatan dan Kurang Upaya (HaDSCO).

HaDSCO boleh menyiasat, memberi amaran kepada orang ramai dan menghalang pekerja penjagaan kesihatan itu daripada menjalankan amalannya.

HaDSCO ialah Pihak Berkuasa Berkanun bebas yang menyediakan perkhidmatan penyelesaian yang saksama untuk aduan mengenai kesihatan, kesihatan mental dan perkhidmatan hilang upaya (yang tidak dilindungi oleh NDIS) di Australia Barat dan Wilayah Lautan India.

Di bawah Tatakelakuan, pekerja penjagaan kesihatan mesti:

- Menyediakan perkhidmatan kesihatan yang selamat dan beretika.
- Mendapatkan kebenaran untuk rawatan.
- Menghormati pilihan untuk mendapatkan atau meneruskan rawatan perubatan, dan bekerjasama dengan pengamal lain.
- Melaporkan kebimbangan mengenai pekerja penjagaan kesihatan yang lain.
- Bertindak sewajarnya jika berlaku sesuatu yang tidak kena.
- Mengambil langkah-langkah untuk melawan jangkitan.
- Mematuhi undang-undang privasi.
- Menyimpan rekod yang sesuai.
- Dilindungi oleh insurans.
- Memaparkan Tatakelakuan dan maklumat semasa membuat aduan.

Di bawah Tatakelakuan, pekerja penjagaan kesihatan tidak boleh:

- Mewujudkan risiko-risiko berjangkit.
- Buat dakwaan palsu tentang menyembuhkan penyakit serius.
- Mengemukakan maklumat yang salah tentang produk, perkhidmatan, kelayakan atau latihan.
- Menyediakan perkhidmatan di bawah pengaruh dadah atau alcohol.
- membenarkan keadaan kesihatan mental atau fizikal mereka memberi kesan kepada penjagaan.
- Mengeksploitasi pelanggan mereka dari segi kewangan.
- Mempunyai hubungan yang tidak sesuai dengan mereka di bawah jagaannya,

